

10 OCT 2001

AP TERUS MEMBISU MENGENAI TUNTUTAN POHON MAAF

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Pejabat The Associated Press (AP) di Kuala Lumpur enggan mengulas mengenai tuntutan bagi agensi berita itu dan wartawannya Sean Yoong memohon maaf kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai satu laporan yang secara tidak tepat memetik ucapan Perdana Menteri.

"Kami tiada komen pada peringkat ini," kata seorang wakil AP semasa dihubungi hari ini.

Jawapan serupa diberikan semasa ditanya sama ada betul atau tidak yang agensi berita itu telah menghubungi Pejabat Perdana Menteri mengenai perkara itu atau sebaliknya.

Pejabat Perdana Menteri semalam menuntut AP dan wartawan berkenaan menyiarkan s dan permohonan maaf atas laporan tidak tepat mengenai kenyataan Dr Mahathir mengenai serangan yang diketuai Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Antara lain, ia menyatakan bahawa kenyataan Perdana Menteri mengenai serangan itu telah dipetik, sama ada dengan sengaja atau sebaliknya, di luar konteks dan bahawa Perdana Menteri tidak pernah menggesa pemimpin dunia atau Amerika Syarikat dan Britain supaya menyerang Israel sebagaimana yang jelas terbayang dalam artikel Yoong.

-- BERNAMA
MAM AHH RHM